



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

26 APRIL 2021 (ISNIN)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

26 APRIL 2021 (ISNIN)

Jika peniaga naik harga binaan di bawah Barang Kawalan Berjadual

Tarik balik lesen

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Mana-mana peniaga, pengilang atau pemborong yang didapati membuat kenaikan harga bahan binaan di bawah senarai Barang Kawalan Berjadual tanpa kebenaran boleh ditarik balik lesen.

Menegaskan perkara itu kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, bahan binaan seperti besi, simen dan bar bulat merupakan Barang-barang Kawalan Berjadual yang dikawal lesennya melalui Kementerian di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Justeru, kata beliau, sebarang kenaikan harga barang tersebut oleh peniaga perlu memaklumkan kepada pihak kementerian dan mendapat kebenaran Pengawal Bekalan bagi tujuan tersebut.

"Sekiranya mana-mana pengilang atau pemborong yang melanggar syarat lesen berkenaan, maka, ia boleh diambil tindakan disebabkan melanggar syarat lesen tersebut," katanya di sini.

Alexander berkata, kerajaan melalui kementeriannya juga menguat kuasaan perundangan pencatutan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.

Oleh itu, kata beliau, mana-mana peniaga yang membuat penetapan harga atau kenaikan harga perlu memastikan ia se-



ALEXANDER NANTA LINGGI

laras dengan perundangan pencatutan yang dikuatkuasaan.

Beliau menjelaskan, sekiranya didapati mana-mana peniaga yang membuat kenaikan harga atau penetapan harga melebihi nilai peratusan untung yang dibenarkan bagi suatu tempoh tahun kewangan, maka, ia boleh diambil tindakan di bawah akta berkenaan.

Alexander memberitahu, KPDNHEP telah bertindak melaksanakan penguatkuasaan Ope-

pengeluaran bagi 165 item bahan-gan tersebut.

"Analisis lanjut terhadap pentatutan akan disediakan setelah mendapat maklumat daripada peniaga yang diperiksa bagi mengesan sekiranya peniaga mencatut atau sebaliknya," katanya.

Bagaimanapun, Alexander berkata, kerajaan tidak mengawal harga bahan binaan lain selain daripada Barang Kawalan Berjadual itu dan kenaikan harga barang dipengaruhi pelbagai faktor.

Ini termasuk, katanya, kenaikan kos mendapatkan bahan mentah khususnya yang diimport, kadar nilai mata wang Ringgit Malaysia yang lebih rendah daripada negara pengimpor, logistik, cuaca dan sebagainya.

"Kos-kos bahan utama juga antaranya adalah diimport dari luar negara yang menyebabkan kebergantungan kos import bahan tersebut terhadap nilai mata wang Ringgit Malaysia dengan negara pengimpor."

"Isu pandemik Covid-19 juga merupakan antara faktor menyebabkan kesukaran dan kelewatan penghantaran bahan yang diimport," katanya.

Utusan Malaysia baru-baru ini melaporkan kira-kira 80 peratus daripada keseluruhan 70,000 kontraktor kecil, sederhana atau besar berdepan risiko gulung tikar berikutan isu kenaikan harga barang atas binaan yang entah bila akan berakhir sehingga menyebabkan golongan itu terpaksa menanggung kerugian besar.

Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa

Siasat hingga peringkat pembekal

Tiada kompromi jual barang disenarai SHMMP tak ikut harga ditetapkan

Oleh Baharom Bakar dan Norgamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan menjalankan siasatan sehingga peringkat pembekal serta pengeluar sekiranya mengesahkan penjualan barang disenaraikan dalam Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021, tidak mengikuti harga ditetapkan.

Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP Azman Adam, berkata pembekal dan pengeluar juga tidak akan terlepas daripada tindakan undang-undang sekiranya membekalkan barang basah ti-

dak mengikut skim berkenaan yang bermula Rabu lalu.

Merujuk empat kes peniaga tidak mematuhi SHMMP, beliau berkata, aduan itu membabitkan kesalahan menjual melebihi harga yang ditetapkan serta tidak meletakkan tanda harga pada barang jualan dengan dua aduan membabitkan kesalahan di Selangor manakala manakala masing-masing satu di Perak serta Kedah.

"Tindakan sudah diambil atas peniaga yang menjual melebihi harga kawalan dan kita akan siasat lanjut pembekal ke napa mereka menjual kepada peniaga melebihi harga ditetapkan. Sekiranya pembekal meletakkan harga tinggi dengan alasan ia dari pengeluar atau penternak, kita akan siasat juga dari sudut itu (pengeluar).

"Kita meletakkan harga di setiap peringkat dan berharap mereka (peniaga, pembekal) patuh pada harga yang ditetapkan," katanya selepas sesi pemantauan SHMMP 2021 di Pasar Moden Seksyen 6, Shah Alam, semalam.

Sehingga kelmarin, katanya, sebanyak 8,347 premis borong



Azman (dua dari kanan) memeriksa harga barang basah di Pasar Moden Seksyen 6, Shah Alam, semalam.
(Foto Muhamad Asyraf Siewal / BH)

dan runcit di seluruh negara diperingkat dan berharap mereka (peniaga, pembekal) patuh pada harga yang ditetapkan," katanya selepas sesi pemantauan SHMMP 2021 di Pasar Moden Seksyen 6, di sini, semalam.

Di Kuala Terengganu, Pengurus Jawatankuasa Keusahawanan, Sumber Manusia, Industri Mikro dan Hal Ehwal Penjaja ne-

geri, Mohd Nurkhuzaini Ab Rahman, berkata KPDNHEP mengenal pasti beberapa pemborong dikenas menjual ayam pada harga tinggi kepada peniaga runcit.

"Sikap 'cekik darah' pemborong menjual ayam melebihi harga ditetapkan kepada peniaga runcit adalah satu penganiayaan. Peniaga merungut hanya untung 10 sen setiap kilogram (kg) ayam standard selepas kerajaan me-

ngutkuasakan SHMMP 2021 mengadu bahawa pemborong menjual ayam kepada mereka pada RM7.80 satu kg sedangkan harga borong ditetapkan RM7.10 satu kg.

"Peniaga menghadapi keperitan apabila terpaksa menjual ayam RM7.90 satu kg kerana mereka matuhui peraturan ditetapkan ke rajaan dan mereka hanya memperolehi keuntungan 10 sen se tiap kg," katanya kepada media selepas melakukan tinjauan permatuhan SHMMP 2021 di Pasar Besar Kedai Payang bersama Pengarah KPDNHEP Terengganu, Saharuddin Mohd Kia, semalam.

Mohd Nurkhuzaini yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (ADUN) Kota Putera, berkata KPDNHEP negeri sudah diarahkan mengambil tindakan ke atas pemborong ayam didapati secara terang mengingkari harga borong seperti ditetapkan kerajaan.

"Hasil tinjauan mendapat bukti sahaja peniaga runcit ayam ditindas, malah peniaga ikan pun turut menerima tempias dari menjadi mangsa penindas pemborong," katanya.

Peniaga ingkar tidak akan terlepas



Anggota penguatan kuasa KPDNHEP membuat tinjauan SHMMP Hari Raya Puasa 2021 di Pasar Awam Moden Seksyen 6, Shah Alam pada Ahad.

SHAH ALAM - Pengeluar atau pembekal barang termasuk bahan basah tidak akan terlepas tindakan tegas sekiranya tidak mematuhi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2021.

Pengarah Penguatan Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, pihaknya tidak akan berkompromi dengan mereka yang tidak mengikuti peraturan ditetapkan.

"Pemantauan sentiasa dijalankan di semua peringkat. Sekiranya peruncit menjual melebihi harga ditetapkan, kita akan lihat pemborong.

"Dalam masa sama, kita akan lihat sekiranya pemborong didapati mendapat bekalan dengan harga tinggi daripada

penternak atau pengeluar.

"Siasatan kita jelas, semua pihak harus mengikut peraturan yang ditetapkan," katanya ketika membuat lawatan bagi melihat pematuhan SHMMP Hari Raya Puasa 2021 di Pasar Awam Moden Seksyen 6 di sini pada Ahad.

Beliau berkata, sebanyak 169 premis borong dan 8,268 premis runcit melibatkan keseluruhan 8,437 premis sudah diperiksa pihaknya.

"Dalam pemeriksaan yang dijalankan, kita dapat sebanyak lapan kes telah dicatatkan masing-masing melibatkan empat kes tiada tanda harga dan menjual melebihi harga maksimum.

"Jumlah rampasan yang dicatatkan ialah sebanyak RM624 dengan jumlah kompaun sebanyak RM500," katanya.

lokal



AZMAN (dua dari kanan) ketika membuat pemantauan SHMMP 2021 di Pasar Moden Seksyen 6, Shah Alam, semalam.

Jual harga mahal

KPDNHEP sudah terima empat aduan menerusi SHMMP

Oleh Norzamira
Che Noh
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Sebanyak empat aduan diterima Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di seluruh negara menerusi Skim Harga Maksimum Musim Peayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 yang bermula Rabu lalu.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, empat aduan itu membabitkan kesalahan menjual melebihi harga yang ditetapkan (harga

kawalan) serta tidak meletakkan tanda harga pada barang jualan.

Katanya, dua aduan dari Selangor manakala masing-masing satu dari Perak serta Kedah.

"Sehingga semalam (kelmarin), tindakan sudah diambil terhadap peniaga yang meletakkan harga melebihi harga kawalan dan kita akan membuat siasatan lanjut kepada pembekal kenapa mereka menjual kepada peruncit melebihi harga yang ditetapkan.

“Sehingga semalam (kelmarin), tindakan sudah diambil terhadap peniaga
Azman

"Sekiranya pembekal meletakkan harga yang tinggi dengan alasan ia (harga tinggi) dari pengeluar atau penternak, kita akan siasat juga dari sudut itu (pengeluar).

"Kita meletakkan harga di setiap peringkat dan berharap mereka (peniaga, pembekal) patuh pada harga yang ditetapkan," katanya selepas sesi pemantauan SHMMP 2021 di Pasar Moden Seksyen 6, di sini, semalam.

Beliau berkata, pembekal

dan pengeluar tidak akan terlepas daripada dikenakan tindakan undang-undang sekiranya membekalkan barang atau bahan yang basah tidak mengikut SHMMP.

Katanya, sehingga kelmarin sebanyak 8,347 premis borong dan runcit diperiksa selaras dengan pelaksanaan SHMMP.

Azman berkata, pihaknya akan meneruskan pemantauan di seluruh negara sama ada di kawasan bandar atau luar bandar untuk memastikan tiada lagi isu kepenggunaan terutamanya berkaitan harga timbul sepanjang pelaksanaan skim ini.

Hanya untung 10 sen setiap kilogram

Kuala Terengganu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu mengenal pasti beberapa pemberong ayam bersikap cekik darah di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Keusahawanan, Sumber Manusia, Industri Mikro dan Hal Ehwal Penjaja negeri, Mohd Nurkhuzaini Ab Rahman berkata, sikap buruk pemberong ayam menjual melebihi harga ditetapkan kepada peniaga runcit adalah satu penganiayaan.

Katanya, peniaga merungut hanya memperoleh keuntungan 10 sen bagi setiap kilogram (kg) ayam standard selepas kerajaan menguatkuasakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2021.

"Peniaga mengadu pemberong menjual ayam ke-



MOHD Nurkhuzaini (kiri) menunjukkan harga ayam standard RM7.90 sekilogram ketika melakukan tinjauan di Pasar Besar Kedai Payang, semalam. Turut kelihatan, Sahruddin (tengah).

pada mereka dengan harga RM7.80 satu kg sedangkan harga borong ditetapkan adalah RM7.10 kg.

"Akibat itu, peniaga pula menghadapi keperitan apabila terpaksa menjual

harga ayam RM7.90 satu kg bagi mematuhi syarat kerajaan dan mereka hanya memperoleh keuntungan 10 sen setiap kg," katanya.

Beliau berkata demikian kepada

Peniaga ikan turut menerima tempias dan menjadi mangsa penindasan pemberong

media selepas melakukan tinjauan pematuhan SHMMP di Pasar Besar Kedai Payang di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah KPDNHEP negeri, Sahruddin Mohd Kia.

Mohd Nurkhuzaini yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (Adun) Kota Putera berkata, KPDNHEP negeri sudah diarahkan mengambil tindakan ke atas pemberong ayam yang didapati mengikari harga borong.

"Kita dimaklumkan KPDNHEP sudah melakukan risikan dan mengenal pasti nama pemberong yang bersikap keterlaluan melakukan penindasan.

"Hasil tinjauan dilakukan mendapati bukan sahaja peniaga runcit ayam ditindas, malah peniaga ikan turut menerima tempias dan menjadi mangsa penindasan pemberong," katanya.

Terdapat pemborong jual ayam RM7.80 sekilogram di Terengganu

'Takkan peniaga untung 10 sen'

Oleh TENGKU DANISH BAHRI
TENGKU BAHRI dan MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS

KUALA TERENGGANU — Terdapat peniaga di negeri ini yang masih menjual ayam standard melebihi harga maksimum yang ditetapkan kerajaan walaupun pelaksanaan Skim Harga Maksimum Muslim Perayaan (SHMPP) masuki hari yang keempat kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Keusahawanan, Sumber Manusia, Industri Mikro dan Hal Ehwal Pengguna Terengganu, Mohd. Norkhzaini Ab. Rahman berkata, ini berikutan ada pemborong didakwa menjual ayam kepada peniaga pada harga RM7.50 hingga RM7.80 sekilogram.

Harga bagi sekilogram ayam yang ditetapkan di peringkat pemborong adalah RM7.10.

"Kita menerima aduan daripada peniaga mengenai dakwaan pelanggaran harga siling yang masih dilakukan oleh sege-

lintir pemborong ayam.

"Bayangkan, jika harga borong RM7.80, sudah pasti peniaga perit kerana cuma untung 10 sen sahaja bagi sekilogram ayam yang mereka jual," katanya selepas memantau harga barang kawalan sempena SHMPP Hari Raya Puasa 2021 di Pasar Besar Kedai Payang di sini semalam.

Turut hadir Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri, Saharuddin Mohd. Kia.

Harga ayam standard sepanjang SHMPP Hari Raya Puasa 2021 adalah RM7.90 sekilogram.

Mohd. Norkhzaini berkata, pihaknya akan melakukan siasatan menyeluruh berhubung acuan daripada peniaga dan tinjakan sewajarnya akan diambil terhadap pemborong yang ingkar atau memanipulasi harga.

"Kita tidak akan berlembut lagi dengan pemborong ayam yang masih berdegil mahu mengaut untung berlipat kali gan-



MOHD. NORKHUZAINI (kiri) dan Saharuddin (dua dari kiri) melakukan tinjauan harga ayam di Kuala Terengganu semalam.

da dengan mengingkar arahan kerajaan," katanya.

Setakat ini, hanya satu no-

tis kompaun dikeluarkan terhadap peniaga kerana kegagalan meletakkan tanda harga sejak

SHMPP dilaksanakan Rabu lalu.

Sementara itu, di Shah Alam, KPDNHEP akan menyiasat pembekal, pemborong dan logistik bagi memastikan semua peringkat rantaian perniagaan mematuhi pelaksanaan SHMPP.

Pengarah Penguatan Kuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, pihaknya memeriksa tiga dokumen daripada peniaga dan mendapat pihak pemborong menjanjikan barang mentah itu pada harga tinggi.

"Jika bukan pembekal, kita akan siasat pengeluaran dan penghantar (logistik)," katanya pada sidang akbar selepas membuat tinjauan di Pasar Moden Seksyen 6, semalam.

Setakat semalam, sebanyak 21,626 pemeriksaan dibuat di seluruh negara dalam Ops Pantau.

Daripada jumlah itu, sebanyak 92 kes telah dibuka membabitkan kesalahan menjual barang pada harga lebih tinggi dan tidak meletakkan tanda harga.

HARI : ISNIN
TARIKH : 26/4/2021
M/SURAT : 2

ERRANT TRADERS TO FACE ACTION

SHAH ALAM: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry will conduct investigations into cases where traders have been found to be selling controlled items above prescribed prices. Its enforcement director Azman Adam said suppliers and producers would also be subject to legal action if they are found to have failed to comply with the Festive Season Maximum Price Control Scheme for Hari Raya Puasa 2021, which started last Wednesday. — Bernama

CIC rancang buka 50 cawangan francais mikro

Premis bersaiz lebih kecil tawar modal serendah RM100,000

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

CIC Group of Companies, pengendali pusat perkembangan minda kanak-kanak dikenali CIC merancang untuk membuka 50 cawangan baharu di seluruh negara menerusi kaedah francais mikro.

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Qutren Nada Ahmad, berkata rancangan pembukaan pusat CIC yang bersaiz lebih kecil berbanding sedia ada itu menawarkan modal lebih rendah iaitu bermula RM100,000 hingga RM150,000.

Katanya, pusat yang dijangka diwujudkan di bandar kecil dan kawasan perumahan itu turut membuka ruang kepada usaha-

wan baharu menyertai 'keluarga' CIC yang kini sudah memiliki 70 cawangan di seluruh negara membaikkan kira-kira 4,000 pelajar setiap tahun.

"Francais mikro untuk pembukaan pusat CIC yang baharu ini adalah inisiatif terkini syarikat untuk menggalakkan penyertaan lebih ramai usahawan dalam industri pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia.

"Modal ditawarkan juga lebih rendah iaitu RM150,000 berbanding pusat CIC biasa iaitu antara RM350,000 hingga RM500,000. Modal lebih kecil bersesuaian dengan saiz perniagaan yang lebih kecil termasuk jumlah pelajar seramai 30 orang dan guru pula lebih dua orang," katanya ketika ditemui BH di Cyberjaya, bantuan ini.

Qutren berkata, walaupun bermodal lebih rendah, pusat CIC francais mikro turut menggunakan silibus sama seperti mana-mana CIC bagi mengekalkan kualiti dan standard yang ditetap dan dicapai sejak penubuhannya pada 1997.

Katanya, francais mikro CIC juga akan menikmati manfaat sama seperti pusat sedia ada, me-

mandangkan langkah syarikat adalah untuk memperkasakan jenama CIC di Malaysia.

"Langkah kita (francais mikro) sudah mendapat perhatian dan pertanyaan bakal usahawan. Kita sudah pun membuka pendaftaran untuk pengambilan pelajar

bagi tahun 2022.

"Kita jangkakan pusat CIC pertama di bawah inisiatif ini dibuka sama ada di Perlis atau Raub, Pahang. Inisiatif ini akan dilancarkan secara rasmi pada Jun ini," katanya.

Sementara itu, CIC Group of Companies turut memperkenalkan produk baharu bagi membantu perkembangan minda kanak-kanak dikenali sebagai *Know-It-All-Box Green Bag*.

Know-It-All-Box adalah kit pembelajaran untuk tempoh 12 bulan yang mengandungi pelbagai aktiviti dan memiliki tema yang dapat menarik minat dan amat bersesuaian bagi kanak-kanak berumur dari 3 hingga 7 tahun.

Kotak yang boleh dilanggan pada harga RM69 untuk tempoh 12 bulan atau pembelian bersinggan satu kota berharga RM118 disasarkan dapat dimanfaat oleh 1,000 keluarga tahun ini.

Antara 12 tema yang bakal diterokai kanak-kanak ialah *Yes, I Can Do It, When I grow Up, Down On The Farm, CIC's Pocket, My Mother/My Queen/My Teacher & My Happiness* dan *Young Astronaut*.

Rancangan pembukaan pusat CIC yang bersaiz lebih kecil berbanding sedia ada itu menawarkan modal lebih rendah iaitu bermula RM100,000 hingga RM150,000



Qutren Nada Ahmad,
Pengasas dan
Ketua Pegawai
Eksekutif CIC

HARI : ISNIN
TARIKH : 26/4/2021
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

▪ Ayam	RM5.99
▪ Daging Lembu Tempatan	RM34
▪ Daging Lembu Import	RM15.50

▪ Telur Gred A	RM10.20
▪ Ikan Keribung	RM8.90
▪ Minyak Masak	RM5.30

▪ Gula Pasir	RM2.20
▪ Bawang Besar Holland	RM1.99
▪ Bawang Putih	RM4.99

▪ Cili Merah	RM6.50
▪ Kubis Bulat Tempatan	RM2.50
▪ Tepung Gandum	RM2.19

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP